



## Persatuan Pengguna Pulau Pinang Consumers Association of Penang

檳城消費人協會 பிளாங்கு பயனீட்டாளர் சங்கம்

Websites:  
[www.consumer.org.my](http://www.consumer.org.my)

10 Jalan Masjid Negeri, 11600 Pulau Pinang, Malaysia  
Tel: 604-8299511 Fax: 604-8298109  
email: [consumerofpenang@gmail.com](mailto:consumerofpenang@gmail.com)

**Kenyataan Akhbar / Surat Kepada Pengarang**

**25 Mac 2021**

### **Akhiri Insiden Tragik di Projek Lebu Raya SUKE**

Satu lagi insiden tragik berlaku di projek Lebu Raya Bertingkat Sungai Besi – Ulu Kelang (Suke). Tiga pekerja pembinaan mati dan pengguna jalan raya cedera apabila kren gantri terbalik dan jatuh ke bawah. Perlu diingatkan bahawa hanya tiga minggu yang lepas sebahagian lebu raya SUKE yang masih dalam pembinaan runtuh dan membunuh dua orang disebabkan kemalangan jalan raya yang melibatkan treler dan perancah yang menyokong struktur binaan yang belum siap. Pada September tahun lalu juga, kepingan tembok dinding pada lebu raya yang sedang dalam pembinaan itu jatuh dan hampir membunuh pengguna jalan raya; beliau bernasib baik hanya mengalami kecederaan pada tangan, walaupun keretanya musnah.

Semua insiden dahsyat yang berlaku dalam tempoh masa yang singkat (dalam tempoh enam bulan) seharusnya menjadi penunjuk kepada pihak berkuasa bahawa ada sesuatu yang tidak kena dengan bagaimana Prolintas (Projek Lintasan Kota Holdings Sdn. Bhd.), pemaju projek lebu raya SUKE menguruskannya.

Bagaimanapun, Datuk Seri Fadillah Yusof, Menteri Kerja Raya memberikan maklum balas kepada insiden terbaharu lebu raya SUKE ini dengan mengeluarkan perintah menghentikan sementara hanya pada bahagian yang terjejas daripada lebu raya SUKE dan mengarahkan pemaju mencari laluan perjalanan alternatif bagi penduduk pangsapuri berdekatan. Malah lebih mengejutkan siasatan awal sepatutnya bahawa kontraktor terlibat telah mematuhi dengan Prosedur Operasi Standard (SOP) yang ditetapkan. Jika demikian, kenapa insiden itu berlaku?

Kini tiba masanya bagi pihak berkuasa mengambil langkah drastik untuk memastikan keselamatan pengguna jalan raya dan pekerja pembinaan. Persatuan Pengguna Pulau Pinang (CAP) menggesa supaya dihentikan sepenuhnya kerja-kerja di projek lebu raya SUKE dan pihak berkuasa perlu untuk mempertimbangkan hukuman yang lebih berat terhadap mereka yang bertanggungjawab dan dalam kes yang serius hukuman penjara mandatori mestilah juga dikenakan. Pihak berkuasa juga perlu mempertimbangkan bagi menggantikan pemaju projek ini serta kontraktor kerana dengan begitu banyak insiden ini kita hanya boleh mengandaikan bahawa pihak ini telah melakukan kecuaiian dalam keselamatan.

**Mohideen Abdul Kader**  
**Presiden**  
**Persatuan Pengguna Pulau Pinang**